KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/11/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	40
JABATAN	:	JKPTG			

Terima geran tanah selepas lebih 40 tahun menunggu

Jempol: Selepas lebih 40 tahun menunggu, malah kini tidak boleh bercakap akibat komplikasi penyakit dihidapi, V Perumayee, 79, semalam menerima geran pemilikan tanah diimpikannya.

"Ibu mentua cukup gembira apabila menerima geran hak milik tanah ini kerana sudah lebih 40 tahun dia dan mendiang suaminya menunggu," kata menantu Perumayee, S Tamilrasi, 42, dari Kampung Serampang Indah (Kampung Gatco) di sini.

Perumayee antara 34 penerima hak milik tanah dari Kampung Serampang Indah pada program penyerahan fasa ketiga.

Sebelum ini, 139 penduduk menerima hak milik pada fasa pertama dan 38 pada fasa kedua.

Majlis penyerahan dijalankan di Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Jempol. Ia disempurnakan Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.



AMINUDDIN (tiga dari kiri) menyerahkan hak milik kepada penduduk Kampung Serampang Indah (Kampung Gatco) pada majlis di Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Jempol.

Menurut Tamilrasi, sepatutnya Perumayee menerima geran pada fasa pertama iaitu pada Mac tahun lalu namun tidak dapat berbuat demikian kerana dimasukkan ke wad akibat darah tinggi dan kencing manis.

"Ibu mentua tidak boleh bercakap sejak dua tahun lalu akibat penyakit dihidapinya selain menggunakan kerusi roda untuk bergerak.

"Pagi tadi (semalam), ibu mentua menangis ketika keluarga menyiapkan dia untuk ke majlis ini. Dia sudah lama menunggu untuk mendapatkan geran ini dan syukur, impiannya tercapai," katanya.

HM 21.11.2021_22